

17 AUG 1997

FAUZI DAN AHMAD KAMARUZAMAN TEKAD TUNAI AMANAH SEBAIK MUNGKIN

KUANTAN, 17 Ogos (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Fauzi Abdul Rahman yang semalam diumumkan sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri hari ini berkata jawatan itu merupakan satu amanah yang harus ditunaikan sebaik mungkin dalam menyumbang kepada pencapaian hasrat kerajaan dan negara.

Katanya beliau bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana pelantikan itu menggambarkan keyakinan Perdana Menteri terhadap dirinya.

"Saya gembira dapat keyakinan daripada tokoh yang dihormati dunia...dan gembira diberi keyakinan untuk bersama Perdana Menteri sebagai Timbalan Menteri di jabatan beliau," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Anggota Parlimen Jerantut Ahmad Kamaruzaman Baria yang dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ketika dihubungi pula berkata beliau berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana kepercayaan dan keyakinan yang diberikan kepadanya.

"Saya akan bekerja keras dan berusaha melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik boleh," katanya. -- BERNAMA.

AZ MS MAI